



**PROFIL**

# **JABATAN MUFTI**

**NEGERI PULAU PINANG**



## **“MESRA, PROFESIONAL, BERHIKMAH”**

### **LATAR BELAKANG**



Bahagian Mufti merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) yang ditubuhkan pada 1 Julai 1959. Pada tahun 1984, kajian penyusunan semula Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri yang telah dijalankan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah mencadangkan pengasingan Bahagian Mufti daripada JAIPP. Justeru, pada 1 Januari 1997 ditubuhkan Pejabat Mufti Negeri Pulau Pinang dan kini dikenali dengan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP).

### **OBJEKTIF**

- 01** Membantu dan menasihati pemerintah dalam semua perkara berkaitan dengan hukum syarak.
- 02** Mengeluarkan pandangan hukum atau fatwa sebagai panduan dan rujukan umat Islam.
- 03** Menguruskan pelaksanaan cerapan hilal, pengesahan arah kiblat, penerbitan takwim hijri dan jadual waktu solat.
- 04** Menerbitkan bahan-bahan rujukan sebagai panduan hukum, kefatwaan dan falak.
- 05** Melahirkan masyarakat yang menghayati syariah dalam semua aspek kehidupan.

### **VISI**

Memartabatkan JMNPP sebagai institusi agama yang berwibawa dan berautoriti dalam pengurusan hukum syarak.

### **MISI**

Menguruskan hal ehwal hukum syarak secara profesional, efisien dan berhikmah.

### **MOTO**


“Mesra,  
Profesional dan  
Berhikmah”



## CARTA ORGANISASI JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

(BERDASARKAN GRED HAKIKI PEGAWAI)

Berdasarkan Waran Perjawatan Bil. 37/2020  
Bertarikh 15 Oktober 2020  
Tarikh Kemaskini 14/10/2021



■ Jawatan Kontrak  
\*\* (ditempatkan secara pentadbiran)



## KETUA JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

### **SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI DR. HAJI WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR**

Tarikh Lahir : 21 Januari 1944  
Tempat Lahir : Jitra, Kedah  
Afik Beradik : 10 Orang  
Bil. Anak : 5 Orang  
Nama Isteri : Datin Jariah bt. Md Noh



### LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

#### 1965 - 1967

Sekolah Melayu Siputeh,  
Jitra, Kedah  
Maahad Mahmud,  
Alor Setar, Kedah

#### 1968

Ijazah Sarjana Muda,  
Kuliah Usul Al-Din, Akidah  
dan Falsafah, Universiti  
al-Azhar, Kaherah, Mesir

#### 1971

Diploma Pendidikan,  
Universiti Ayn al-Shams,  
Kaherah, Mesir

#### 1973

Ijazah Sarjana, Dakwah  
dan Pengajian Islam,  
Universiti al-Azhar,  
Kaherah, Mesir

#### 1988

PhD, Universiti Edinburgh,  
Scotland, United  
Kingdom

Ketua Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ialah Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, S.S  
Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd. Noor. Pelantikan beliau adalah sejak 7 Jun 2014.

1951-1956



S.S Tuan Guru Haji  
Abdullah Fathim

1961-1964



S.S Tuan Guru  
Abdullah bin Ismail

1969-1981



S.S Datuk Haji Adnan  
bin Haji Hashim

1982-1984



S.S Tuan Haji Abdul  
Rashid bin Haji Hashim

1984-1993



S.S Dato' Haji Muhammad  
bin Haji Hashim

1993-1997



S.S Dato' Sheikh Azmi  
bin Ahmad

1997-2014



S.S Dato' Seri Haji Hassan  
bin Haji Ahmad



## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan JMNPP. Perkhidmatan yang diberikan adalah bagi menyokong dan melancarkan gerak kerja pelaksanaan program/aktiviti bahagian-bahagian lain dengan lebih efisien.

### FUNGSI UTAMA

- ▶ Menguruskan hal ehwal pentadbiran, logistik, surat menyurat, dokumen rasmi dan perjawatan.
- ▶ Menguruskan pembangunan latihan, kursus, kompetensi personel dan program kualiti Jabatan.
- ▶ Mengurus dan menyelia keselamatan umum, fizikal dan dokumen Jabatan
- ▶ Mengurus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa Kewangan dan Akaun, Jawatankuasa Tetap Aset, Keselamatan Perlindungan Jabatan dan Lawatan Luar.
- ▶ Menguruskan hal ehwal kewangan, penyediaan bajet, pembayaran emolumen, perolehan dan perbelanjaan.
- ▶ Menguruskan harta modal, aset alih, aset tetap dan inventori.
- ▶ Menguruskan pembayaran bil-bil dan tuntutan.
- ▶ Membantu dan bekerjasama menjayakan program/aktiviti Jabatan dan agensi-agensi, badan-badan bukan kerajaan (NGO) di peringkat negeri dan persekutuan.

### PIAGAM PELANGGAN

1. Menguruskan pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa setiap 2 bulan.
2. Menyampaikan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang telah disahkan kepada pihak-pihak berkaitan dalam tempoh 7 hari bekerja.
3. Menjawab kemosykilan agama yang dikemukakan dalam e-Kemosykilan dalam tempoh 7 hari bekerja.
4. Responsif kepada pertanyaan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja.
5. Surat dan Sijil pengesahan arah kiblat dikeluarkan dalam tempoh daripada tarikh pengesahan dibuat 7 hari bekerja.
6. Melaksanakan cerapan hilal 29 hari bulan hijrah.
7. Memproses permohonan lengkap surat sokongan pertukaran nama orang Islam dalam tempoh 7 hari bekerja.
8. Mengemas kini maklumat Laman Web dan media sosial Jabatan setiap 2 hari sekali.
9. Menguruskan pembayaran tuntutan yang lengkap dalam tempoh 3 hari bekerja.



## BAHAGIAN FATWA

Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan menguruskan pelaksanaan penyelidikan hukum, pengeluaran pandangan hukum dan fatwa. Memberikan nasihat dan panduan dalam semua perkara yang berkaitan dengan hukum syarak serta melaksanakan program pendidikan hukum dan fatwa bagi melahirkan masyarakat yang menghayati syariah dalam semua aspek kehidupan

### FUNGSI UTAMA

- ▶ Menguruskan pelaksanaan kajian dan penyelidikan bagi tujuan pengeluaran hukum dan fatwa.
- ▶ Menyampaikan dan menyebarkan pandangan hukum atau fatwa yang telah diputuskan kepada pihak-pihak yang berkaitan dan juga masyarakat.
- ▶ Mengeluarkan garis-garis panduan hukum sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat.
- ▶ Menguruskan penyediaan jawapan terhadap isu-isu dan persoalan hukum yang diajukan oleh masyarakat.
- ▶ Menguruskan status agama mayat.
- ▶ Membantu melaksanakan program/aktiviti berkaitan di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Agama).
- ▶ Menguruskan pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi tujuan memutuskan pandangan hukum atau fatwa.
- ▶ Menganjurkan program pengajian dan tafaqquh bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang hukum dan fatwa.
- ▶ Menguruskan proses pewartaan fatwa yang telah diputuskan bagi tujuan penguatkuasaan dan fatwa rasmi.
- ▶ Menguruskan pelaksanaan program pendidikan hukum dan fatwa kepada masyarakat.
- ▶ Membantu dan bekerjasama menjayakan program/aktiviti Jabatan dan agensi-agensi, badan-badan bukan kerajaan (NGO) di peringkat negeri dan persekutuan.

### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN (ONLINE)



[mufti.penang.gov.my/](http://mufti.penang.gov.my/)



[ekemusykilan.penang.gov.my/](http://ekemusykilan.penang.gov.my/)



Jabatan Mufti  
Negeri Pulau Pinang



[efatwa.penang.gov.my/](http://efatwa.penang.gov.my/)



Jabatan Mufti  
Negeri Pulau Pinang



## JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG

### PENGERUSI



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr.  
Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor  
*Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

### AHLI JAWATAN KUASA



Sahibus Fadilah Tuan Haji Yusoff  
bin Abu Bakar  
*Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang*

### AHLI JAWATANKUASA



Datuk Haji Munir bin Haji Md. Salleh  
*Pegawai Agama Istana Negara*

### AHLI JAWATANKUASA



Dato' Haji Maktar bin Haji Shapee  
*Ahli Majlis Agama Islam Negeri  
Pulau Pinang*

### AHLI JAWATANKUASA



Prof. Madya Dr. Atikullah bin  
Abdullah  
*Pensyarah Universiti Sains Malaysia*

### AHLI JAWATANKUASA



Prof Dr. Mohd Fauzi bin Hamat  
*Pensyarah Universiti Malaya*

### AHLI JAWATANKUASA



Dr. Mohd Hapiz b. Mahaiyadin  
*Pensyarah UiTM*

### AHLI JAWATANKUASA



Tuan Haji Rosli bin Othman  
*Ketua Penolong Pengarah Kanan  
(Sektor Pendidikan Islam)*

### AHLI JAWATANKUASA



Tuan Haji Mohd Hanif  
bin Omar @ Wahab  
*Ketua Penolong Pengarah Kanan  
(Bahagian Dakwah) JHEAIPP*

### AHLI JAWATANKUASA



Tuan Haji Mohd Salmi bin Shaimi  
*Timbalan Mudir (Madrasah Irsyad  
Al-Asraf Al-Wataniah)*

### AHLI JAWATANKUASA



Tuan Haji Ahmad Ridoudin bin Haji  
Abdul Wahab  
*Mudir (Maahad Ihya Ulumiddin)*

### AHLI JAWATANKUASA



Tuan Haji Roslan bin Esa  
*Ketua Penolong Mufti / Setiausaha*



## BAHAGIAN FALAK

Bahagian ini bertanggungjawab mengaturcara fasiliti, peralatan, dan input-input meliputi aspek syariah, sains, dan teknikal bagi melancarkan proses penetapan hukum berkaitan falak.

### FUNGSI UTAMA

- ▶ Menguruskan pengesahan arah kiblat.
- ▶ Menguruskan pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Falak dan Jawatankuasa Rukyah (Melihat Anak Bulan) Negeri.
- ▶ Menguruskan pelaksanaan kajian dan penyelidikan berkaitan falak.
- ▶ Membantu dan bekerjasama menjayakan program/aktiviti Jabatan dan agensi-agensi, badan-badan bukan kerajaan (NGO) di peringkat negeri dan persekutuan.
- ▶ Menguruskan pelaksanaan cerapan hilal setiap bulan dan cerapan rasmii hilal Ramadhan, Syawal dan Zulhijah.
- ▶ Mengurus penerbitan dan pengedaran Takwim Hijri dan Jadual Waktu Solat Negeri.
- ▶ Mengurus pentadbiran Pusat Falak Sheikh Tahir.

### PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Pusat Falak Sheikh Tahir dibuka dengan rasminya pada hari Rabu, 30 Rabiulawal 1412H bersamaan 9 Oktober 1991 sebagai stesen penyelidikan astronomi dan sains atmosfera seperti kalender Islam, kajian senja, pemupusan dan pembiasan atmosfera, kenampakan anak bulan serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Pusat Falak Sheikh Tahir, Balik Pulau, Pantai Aceh terletak di kedudukan paling barat negeri Pulau Pinang ( $5^{\circ} 25' U$ ,  $100^{\circ} 12' T$ ).

**BORANG PERMOHONAN LAWATAN KE  
SHEIKH TAHIR  
ASTRONOMICAL CENTRE**

**BORANG PERMOHONAN**  
**SOKONGAN PERTUKARAN NAMA**

bagi tujuan maksaud nama yang  
kudu selesai / tidak makna  
atau pembenaran ejalon nama



## JAWATANKUASA FALAK NEGERI PULAU PINANG

### PENGERUSI



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr.  
Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATAN KUASA



Sahibus Fadilah Tuan Haji Yusoff  
bin Abu Bakar  
Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Dr. Roslan bin Ahmad  
Timbalan Yang Dipertua Majlis  
Agama Islam Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama  
Islam Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Sr. Zulkafli bin Chihat  
Pengarah Jabatan Ukur dan  
Pemetaan Malaysia

### AHLI JAWATANKUASA



Prof. Dr. Mohd Zubir bin Mat Jafri  
Profesor Sains Fizik, Universiti Sains  
Malaysia

### AHLI JAWATANKUASA



Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz  
Ahli Panel Pakar Falak, JAKIM

### AHLI JAWATANKUASA



Encik Nor Azam bin Mat Noor  
Penyelidik Bebas Astronomi Islam

### AHLI JAWATANKUASA



Ustaz Hanafiah bin Abdul Razak  
Imam Masjid Kota Iskandar, Jabatan  
Agama Islam Negeri Johor

### AHLI JAWATANKUASA



Pegawai Tadbir Agama, Daerah  
Barat Daya

### AHLI JAWATANKUASA



Puan Halimah binti Khalil  
Penyayarah Sains Fizik, Kolej  
Matrikulasi Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Ustaz Muhammad Haniff bin  
Baderun  
Penolong Mufti Kanan (Falak)

### AHLI JAWATANKUASA



Encik Mohd Zulhelmi bin Mohd Yusof  
Penolong Mufti (Pusat Falak Sheikh  
Tahir)



## JAWATANKUASA RUKYAH (MELIHAT ANAK BULAN) NEGERI PULAU PINANG

### PENGERUSI



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr.  
Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATAN KUASA



Sahibus Fadilah Tuan Haji Yusoff  
bin Abu Bakar  
Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Yang Amat Arif Dato' Muhammad  
Abdul Karim bin Wahab  
Ketua Hakim Syar'ie Negeri Pulau  
Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Dato' Haji Samsudin bin Bakar  
Setiausaha Majlis Agama Islam  
Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama  
Islam Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Sr. Zulkafli bin Chihat  
Pengarah Jabatan Ukur dan  
Pemetaan Malaysia

### AHLI JAWATANKUASA



Encik Mohd Abdul Rahman  
bin Ismail  
Setiausaha Sulit Kepada TYT Yang  
di-Pertua Negeri Pulau Pinang

### AHLI JAWATANKUASA



Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz  
Ahli Panel Pakar Falak, JAKIM

### AHLI JAWATANKUASA



Sahibus Fadilah Ustaz Muhammad  
Haniff bin Baderun  
Penolong Mufti Kanan (Falak)

### AHLI JAWATANKUASA



Sahibus Fadilah Encik Mohd  
Zulhelmi bin Mohd Yusof | Penolong  
Mufti (Pusat Falak Sheikh Tahir)




## BAHAGIAN RUJUKAN MAKLUMAT

Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan menguruskan hal ehwal penerbitan buku/risalah berkaitan kefatwaan dan falak. Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), dan urusan perkhidmatan atas talian (online) JMNPP. Selain itu, ia juga bertanggungjawab mengendalikan koleksi nadir dan manuskrip serta Perpustakaan Jabatan.

### FUNGSI UTAMA

- ▶ Mengawal selia dan mengemas kini kandungan laman web, sistem, media sosial dan aplikasi mudah alih Jabatan.
- ▶ Merancang dan menguruskan pelaksanaan latihan dan kursus berkaitan dengan teknologi maklumat.
- ▶ Menguruskan maklum balas pelaksanaan dan pencapaian Piagam Pelanggan Jabatan secara atas talian (online).
- ▶ Merancang dan mengurus tadbir koleksi nadir dan manuskrip serta Perpustakaan Jabatan.
- ▶ Membantu dan bekerjasama menjayakan program/aktiviti Jabatan dan agensi-agensi, badan-badan bukan kerajaan (NGO) di peringkat negeri dan persekutuan.
- ▶ Menguruskan penyelenggaraan peralatan ICT, sistem dan bertanggungjawab terhadap keselamatan peralatan dan data.
- ▶ Menyelia dan menguruskan pelaksanaan sistem pengurusan atas talian (online) negeri di peringkat Jabatan.
- ▶ Merancang, menguruskan penerbitan dan mengedar bahan-bahan kefatwaan, falak, buletin/majalah dan garis-garis panduan yang berkaitan untuk edaran dan rujukan.
- ▶ Menguruskan permohonan sokongan pertukaran nama.
- ▶ Menguruskan peralatan ICT, bahan taklimat audio visual dan bahan-bahan penerbitan Jabatan semasa lawatan luar.



Berikut merupakan pautan untuk buku-buku terbitan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang <https://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-07-52-44/penerbitan>



*Diterbitkan oleh :*

**JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.

Tel : +604-263 2975 | Faks : +604-263 2985

Web : <http://mufti.penang.gov.my>

E-mel : mufti@penang.gov.my